

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

<http://www.parlimen.gov.my>

**HARI SELASA, 21 MAC 2023, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 2**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PN-1521-L08633  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah diambil Kerajaan dalam menangani isu penipuan atas talian (scammer) yang semakin kritikal.
2. PN-1521-L08447  
**Dato' Ajis bin Sitin** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan tahap ekonomi masyarakat Orang Asli selaras dengan aspirasi Malaysia Madani untuk menghapuskan kemiskinan tegar dalam tempoh terdekat.
3. PN-1521-L08895  
**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah hala tuju pengajian TVET selaras dengan kenyataan YAB Perdana Menteri untuk menyatukan pendidikan dan pengajian TVET di bawah satu agensi Kerajaan.
4. PN-1521-L08743  
**Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berhubung mekanisme pengagihan subsidi supaya lebih bersasar dan efisien agar dapat mengelak daripada berlakunya ketirisan.
5. PN-1521-L08466  
**Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan 72% daripada pelajar lepasan SPM tidak mahu menyambung pengajian lebih tinggi kerana lebih cenderung kepada ekonomi gig. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan pekerja berkemahiran dan berpengetahuan di masa akan datang.

6. PN-1521-L08489  
**Datuk Wira Koh Nai Kwong** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan tindakan atau langkah-langkah Kerajaan untuk menangani masalah inflasi dan kenaikan kos sara hidup bagi meringankan beban rakyat, selain merujuk kepada konsep makro ekonomi secara teori, apakah pertimbangan dan usaha Kerajaan untuk menjamin kelangsungan hidup rakyat dari setiap lapisan masyarakat.
  
7. PN-1521-L08839  
**Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memajukan Sungai Rajang dan lembangan Rajang, terutamanya di bahagian Sibul sebagai destinasi pelancongan alam semula jadi dan ekologi yang utama di Asia Tenggara.
  
8. PN-1521-L08954  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk mencerakinkan pelan memperkasakan dan menaik taraf aset-aset keselamatan khususnya di perairan Sabah dan Sarawak.
  
9. PN-1521-L08618  
**Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dengan keadaan semasa di mana negara menuju ke arah peratusan warga tua yang lebih tinggi menjelang 2030 :-
  - (a) bagaimanakah Kementerian memastikan penawaran perubatan geriatrik yang memuaskan dan akan seiring dengan permintaannya; dan
  - (b) juga nyatakan jumlah terkini Pakar Perunding Geriatrik yang berkhidmat dalam sektor awam dan swasta serta bagaimanakah Kementerian akan memastikan penawaran kepakaran dalam bidang ini mencukupi pada masa akan datang.
  
10. PN-1521-L08599  
**Datuk Bobbey Bin Suan** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah program-program intervensi, kesedaran dan pemulihan yang dilaksanakan di dalam penjara kepada penagih-penagih dadah yang telah dipenjarakan serta berapakah jumlah penagih-penagih yang mendapat manfaat daripada program tersebut bagi tempoh 2022 hingga kini.

11. PN-1521-L08787  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan apakah langkah-langkah Kerajaan untuk menarik minat pelabur yang berasaskan kenderaan elektrik (EV) dan bateri untuk kenderaan tersebut.
12. PN-1521-L08819  
**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk meningkatkan pendapatan rakyat yang terbeban dengan kenaikan kos sara hidup yang semakin menekan.
13. PN-1521-L08422  
**Datuk Razali bin Idris** minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah fokus Kementerian kepada pengembangan model ekonomi gig bagi pekerja mendapat bimbingan dan pembiayaan mikro kredit untuk mengembangkan perniagaan.
14. PN-1521-L08863  
**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kerajaan mengkaji semula struktur gaji minimum negara kini kepada "living wage" sebagai mana yang disarankan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Tegar dan lonjakan paradigma apabila paras gaji minimum kini telah mencapai RM1500.
15. PN-1521-L08407  
**Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan apakah usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam memperhalusi isu keselamatan siber terutama bagi melindungi data peribadi pengguna dalam negara ini daripada terdedah kepada ancaman dalam talian seperti penipuan atau kecurian maklumat data.
16. PN-1521-L08915  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan mekanisme pemberian kredit e-tunai Belia Rahmah melalui "e-wallet" atau penggunaan alternatif lain dengan penggunaan MyKad yang sedia ada mengandungi perkhidmatan Touch 'n Go bagi memaksimumkan penggunaan MyKad sebagai galakan kepada Kad Pintar.

17. PN-1521-L08486  
**Tuan Seruandi bin Saad** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan Kementerian dalam usaha menaik taraf dan menyelia Kompleks Imigresen, Kastam dan Kuarantin (ICQ) di pintu masuk Wang Kelian, Perlis setanding ICQ Wang Prachan, Thailand.
18. PN-1521-L08938  
**Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah tindakan atau mekanisme yang perlu dibangunkan untuk mengkategorikan kumpulan atau individu yang akan menerima subsidi bersasar petrol RON 95 bagi memastikan pemberian itu tidak berlaku keciciran dan ketirisan.
19. PN-1521-L08945  
**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik warganegara yang diisytiharkan muflis mengikut kaum dan apakah inisiatif-inisiatif yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk membantu mereka keluar daripada status muflis.
20. PN-1521-L08764  
**Datuk Noraini Idris** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah inisiatif bersepadu yang sedang dijalankan bersama oleh golongan majikan khususnya sektor swasta dalam memantau serta membendung perbuatan salah laku seksual di tempat kerja seperti yang digariskan dalam Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022.
21. PN-1521-L08387  
**Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan dalam memastikan murid-murid B40 mendapat kelas tambahan/tuisyen luar kelas demi memastikan mereka tidak ketinggalan dalam pelajaran seiring murid lain yang mampu membiayai tuisyen luar.
22. PN-1521-L08644  
**Dato' Haji Husain bin Awang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk menyediakan elaun kritikal kepada jurupulih fisioterapi dan jurupulih cara kerja seperti mana ia diberi kepada para doktor dan jururawat atas sebab risiko pekerjaan.

23. PN-1521-L08728  
**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah perkembangan terbaru bagi Projek Sistem Transit Rapid Link (RTS) serta berapakah jumlah kos yang terbabit dalam projek tersebut.
24. PN-1521-L08528  
**Datuk John Ambrose** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kementerian akan meningkatkan kriteria dan had dalam permohonan kad kredit bagi mengurangkan kadar kebangkrapan dalam kalangan belia.
25. PN-1521-L08745  
**Dato' Arman Azha bin Abu Hanifah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah rancangan Kementerian bagi mengurangkan migrasi pekerja ke negara lain terutamanya untuk pekerja sektor profesional ke negara lain.
26. PN-1521-L08706  
**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengkaji untuk menyediakan buku teks berbentuk digital bagi menangani keluhan ibu bapa dan guru-guru mengenai buku teks berat yang terpaksa dibawa oleh murid-murid pada setiap hari.
27. PN-1521-L08579  
**Datuk (Dr.) Ras Adiba Mohd Radzi** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status semasa dan perkara yang akan dipinda dalam Akta Orang Kurang Upaya 2008 serta apakah pendirian Kementerian bagi mengeluarkan Seksyen 41 dan 42.
28. PN-1521-L08686  
**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-
- (a) adakah bilangan Orang Yang Kompeten (OYK) yang sedia ada sudah mencukupi di dalam industri; dan
  - (b) jika tidak mencukupi, apakah usaha Kerajaan bagi menangani isu ini.
29. PN-1521-L08941  
**Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan memperkenalkan semula Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST).

30. PN-1521-L08875

**Tuan Ak Nan A/L Ehtook** minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang disediakan untuk kaum minoriti Siam bagi tujuan pembangunan kebudayaan dan pembelajaran bahasa ibunda mereka. Apakah mekanisme yang akan digunakan untuk menyalurkan peruntukan dan syarat yang dikenakan dalam penggunaan peruntukan tersebut.

31. PN-1521-L08522

**Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan tindakan yang sedang dirangka ke arah menterjemahkan agenda pembanterasannya rasuah dalam kalangan ahli politik serta penjawat awam dan bagaimanakah ia dapat dilaksanakan menerusi kredibiliti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) yang sebelum ini dilihat bersifat pilih bulu.

32. PN-1521-L08707

**Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah tindakan-tindakan yang telah diambil terhadap penambahbaikan pangkalan data dan pengaturcaraan aplikasi Kementerian termasuk Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) dan Sistem Pengurusan Identiti (idME).

33. PN-1521-L08740

**Datuk Noraini Idris** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan aspek-aspek teknikal yang sedang dipertimbangkan berkenaan cadangan penambahan kerusi Parlimen bagi Sabah serta Sarawak dan sejauh manakah perbelanjaan negara berupaya menampung segala kos termasuk liabiliti luar jangka yang melibatkan perubahan komposisi politik tersebut.

34. PN-1521-L08968

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status kewangan terkini Kumpulan Wang Amanah Negara (KWAN) yang telah berkurang selepas sebahagian RM5 bilion daripada sejumlah RM19 bilion yang ada pada masa itu digunakan untuk pembelian vaksin COVID-19 dan adakah Kerajaan berhasrat menyimpan semula dalam masa terdekat memandangkan COVID-19 telah terkawal dan juga keuntungan Petronas pada suku terakhir 2022 adalah RM72 bilion dan berkemungkinan mencapai sasarannya kepada RM100 bilion dalam tahun ini.

35. PN-1521-L08843

**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah kesukaran yang dihadapi Kerajaan dalam membanteras jenayah komersial seperti penipuan atas talian (online scam) dan sejauh manakah keberkesanan Kerajaan dalam menangani isu ini yang melibatkan jenayah seperti penipuan cinta, pemindahan wang oleh rakan palsu, penipuan cukai, dan sebagainya.

36. PN-1521-L08567

**Tuan Haji Aziz bin Ariffin** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk mengkaji semula gaji anggota pasukan keselamatan, terutamanya polis dan tentera agar bersesuaian dengan bebanan tugas yang dilakukan mereka dan bukan sekadar mengikut taraf pendidikan yang dimiliki semata-mata.

37. PN-1521-L08874

**Datuk Lim Pay Hen** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian akan memansuhkan Akta Agensi Pekerjaan Swasta 1981 [Akta 246] bagi memansuhkan peranan ejen dalam proses merekrut pencari kerja tempatan dalam dan luar negara, dan pekerja bukan warganegara sekali gus mengambil alih peranan ejen di bawah Kementerian.

38. PN-1521-L08805

**Dato' Juhanis binti Abd Aziz** minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah faktor utama yang menyumbang kepada kenaikan kadar tambang perkhidmatan "e-hailing" serta usaha Kementerian untuk mengawal kenaikan harga tambang secara mendadak.

39. PN-1521-L08653

**Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah pelan strategi dan berapakah perbelanjaan yang telah dilaksanakan bagi pemerkasaan program Latihan TVET oleh Jabatan dan Agensi di bawah Kementerian bagi tahun 2021 dan 2022, serta sejauh manakah impak agenda TVET Kementerian setakat ini.

40. PN-1521-L08797

**Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf Jalan Persekutuan 3, Rantau Panjang, Kelantan daripada dua lorong kepada empat lorong agar ia sesuai dengan imej jalan utama yang menghubungkan Malaysia dengan Thailand.

41. PN-1521-L08687  
**Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah pelan Kerajaan dalam menyeragamkan dasar bagi menangani isu penipuan dalam talian yang mana geran sejumlah 10 juta ringgit telah disediakan seperti mana yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri baru-baru ini.
42. PN-1521-L08799  
**Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan untuk mempromosi aspek seni dan budaya Kelantan kepada pelancong luar negara.
43. PN-1521-L08504  
**Puan Susan Chemerai Anding** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bagaimanakah sistem pendidikan di Malaysia dapat diperbaiki lagi untuk lebih menyediakan murid-murid sebagai tenaga kerja masa hadapan.
44. PN-1521-L08926  
**Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj Ibrahim** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan sejauh manakah liputan jalur lebar 5G seluruh negara dan bilakah liputan jalur lebar 5G mencapai keseluruhan kawasan pedalaman Sarawak dan Sabah.
45. PN-1521-L08666  
**Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilangan dan nilai projek yang menggunakan peruntukan kewangan yang diagihkan kepada ahli Parlimen yang sama ada terbengkalai, tidak dilaksanakan mengikut spesifikasi atau lewat disiapkan bagi dua tahun yang lepas.

46. PN-1521-L08725  
**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI SUMBER ASLI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah pelan jangka masa panjang yang akan diambil oleh Kerajaan bagi mempercepatkan penyelesaian masalah banjir pada setiap tempat berisiko tinggi.
47. PN-1521-L08982  
**Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu** minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN DIGITAL** menyatakan memperincikan langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menghentikan penyebaran berita palsu melalui platform media sosial.
48. PN-1521-L08828  
**Tuan Robert Lau Hui Yew** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia untuk menurunkan kuasa melantik semua ahli Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman kepada Ketua Hakim selaras dengan prinsip pemisahan kuasa dan mengelakkan Suruhanjaya ini daripada dipolitikkan.
49. PN-1521-L08972  
**Tuan Jaziri Alkaf Abdillah Suffian** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan untuk mengurangkan bebanan guru yang dikatakan banyak meluangkan masa untuk "clerical works" supaya masa guru dapat dimaksimumkan untuk proses pembelajaran.
50. PN-1521-L08436  
**Dato Dr. Nuing Jeluing** minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil untuk memastikan harga barang keperluan makanan sama di bandar dan luar bandar.
51. PN-1521-L08859  
**Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah tahap penerimaan industri terhadap pelaksanaan dan penguatkuasaan pindaan Akta Kerja 1955 (Pindaan) 2022 yang melibatkan perkara seperti pengurangan tempoh bekerja 48 jam kepada 45 jam seminggu, penambahan cuti bersalin daripada 60 hari kepada 98 hari, dan kenaikan cuti paterniti daripada tiga hari kepada tujuh hari.

52. PN-1521-L08999

**Datuk Paul Igai** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi masalah pengedaran dadah yang beroperasi seperti sindiket 'Mafia' dan adakah agensi penguat kuasa dibekalkan dengan dron dan alat yang lebih canggih.

53. PN-1521-L08886

**Tuan Ak Nan A/L Ehtook** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah pekeliling ikhtisas Bil. 1/2009 (11 Mac 2009) yang membenarkan murid bukan warganegara untuk bersekolah masih terpakai dan semua guru besar dan pengetua mematuhi. Bagaimanakah cara untuk ibu bapa mendapatkan remedi jika ada guru besar/pengetua yang didapati tidak mematuhi pekeliling tersebut.

54. PN-1521-L08761

**Datin Ros Suryati binti Alang** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengenai isu penularan varian baru COVID-19 pada masa sekarang. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam tempoh jangka masa pendek dan jangka masa panjang bagi mengekang penularan wabak ini.

55. PN-1521-L08906

**Dato' Dr. Nelson a/l Renganathan** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan status terkini jumlah pusat penjagaan warga emas Kerajaan di seluruh negara dan berapakah lagi pusat-pusat penjagaan warga emas akan dibangunkan pada tahun 2023.

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah** akan mencadangkan :-

"Bahawa suatu ucapan yang tidak sepatunya dipersembahkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya :-

"Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih atas Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa membuka Penggal Kedua, Majlis Parlimen Yang Kelima Belas."

- |    |                  |  |                               |
|----|------------------|--|-------------------------------|
| 2. | *( D.R. 1/2023 ) | Rang Undang-undang Pencetakan teks Al-Quran (Pindaan) 2023<br><b>[Menteri Dalam Negeri]</b>    | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 3. | *( D.R. 2/2023 ) | Rang Undang-undang Perbekalan 2023<br><b>[Menteri Kewangan]</b>                                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 4. | *( D.R. 3/2023 ) | Rang Undang-undang Levi Keuntungan Luar Biasa (Pengesahan) 2023<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b> | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 5. | *( D.R. 4/2023 ) | Rang Undang-undang Kewangan 2023<br><b>[ Menteri Kewangan ]</b>                                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 6. | *( D.R. 5/2023 ) | Rang Undang-undang Kanun Keseksaan (Pindaan) 2023<br><b>[ Perdana Menteri ]</b>                | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
| 7. | *( D.R. 6/2023 ) | Rang Undang-Undang Kanun Tatacara Jenayah (Pindaan) 2023<br><b>[ Perdana Menteri ]</b>         | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dipertimbangkan pada semua Peringkat oleh Dewan Negara tertakluk kepada Rang Undang-undang tersebut diserahkan oleh Dewan Rakyat.

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN NEGARA)**

<b><u>TAHUN</u> <u>2022</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.97	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.166	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.170	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan PR1MA Malaysia Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.172	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia Bagi Tahun 2019	21 Mac 2023
ST.173	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.174	AKTA FI 1951 Perintah Fi (Agensi Angkasa Malaysia) 2022 P.U (A) 304/2022 yang diwartakan pada 29 September 2022	21 Mac 2023
ST.175	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Perbadanan Tabung Pembangunan Kemahiran (PTPK) Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.176	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Inovasi Malaysia Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023

<u>TAHUN</u> <u>2022</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST.178	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Universiti Malaysia Pahang Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.179	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Agensi Kelayakan Malaysia Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.180	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Bank Simpanan Nasional Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.181	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2022 P.U (A) 287/2022 yang diwartakan pada 9 September 2022	21 Mac 2023
ST.182	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Penyediaan Pracampuran) (Bayaran) 2022 P.U.(A) 290/2022 yang diwartakan pada 9 September 2022	21 Mac 2023
ST.183	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2022 P.U (A) 234/2022 yang diwartakan pada 19 Julai 2022	21 Mac 2023
ST.184	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.5) 2022 P.U (A) 234/2022 yang diwartakan pada 19 Julai 2022	21 Mac 2023
ST.185	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.186	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2022</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.187	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST.188	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST.189	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Perjanjian Antara Kerajaan Malaysia Dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk Meningkatkan Pematuhan Cukai Antarabangsa dan Melaksanakan Foreign Account Tax Compliance Act) 2022 P.U. (A) 278/2022 yang diwartakan pada 1 September 2022	21 Mac 2023
ST.190	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Pertukaran Automatik Maklumat Akaun Kewangan antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Amerika Syarikat untuk Meningkatkan Pematuhan Cukai Antarabangsa dan Melaksanakan Foreign Account Tax Compliance Act) 2022 P.U.(A) 279/2022 yang diwartakan pada 1 September 2022	21 Mac 2023
ST.191	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
CMD. 40	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 41	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Johor Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 42	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kedah Tahun 2021	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2022</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD. 43	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Kelantan Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 44	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Melaka Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 45	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri, Negeri Sembilan Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 46	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Pahang Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 47	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perak Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 48	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Perlis Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 50	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sabah Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 51	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Sarawak Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 52	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Selangor Tahun 2021	21 Mac 2023
CMD. 53	Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2021	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.1	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 195 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.9) 2022 P.U. (A) 267 yang diwartakan pada 25 Ogos 2022	21 Mac 2023
ST.2	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.10) 2022 P.U. (A) 268 yang diwartakan pada 25 Ogos 2022	21 Mac 2023
ST.3	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.11) 2022 P.U. (A) 270 yang diwartakan pada 25 Ogos 2022	21 Mac 2023
ST.4	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang) 2022 P.U. (A) 292 yang diwartakan pada 12 September 2022	21 Mac 2023
ST.5	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.12) 2022 P.U. (A) 296 yang diwartakan pada 15 September 2022	21 Mac 2023
ST.6	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.13) 2022 P.U. (A) 310 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.7	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Bertingkat Damansara-Shah Alam) 2022 P.U. (A) 324 yang diwartakan pada 11 Oktober 2022	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.8	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.14) 2022 P.U. (A) 331 yang diwartakan pada 13 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.9	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.15) 2022 P.U. (A) 332 yang diwartakan pada 13 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.10	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.16) 2022 P.U. (A) 381 yang diwartakan pada 15 Disember 2022	21 Mac 2023
ST.11	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.17) 2022 P.U. (A) 382 yang diwartakan pada 15 Disember 2022	21 Mac 2023
ST. 12	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Malaysia Barat) (Pindaan) (No.18) 2022 P.U. (A) 383 yang diwartakan pada 15 Disember 2022	21 Mac 2023
ST. 13	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) 2022 P.U. (A) 390 yang diwartakan 23 Disember 2022	21 Mac 2023
ST. 14	AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959 Perintah Jalan Persekutuan (Skim Felda) (Pindaan) (No.2) 2022 P.U. (A) 391 yang diwartakan 23 Disember 2022	21 Mac 2023
ST. 15	AKTA EKSTRADISI 1992 Perintah Ekstradisi (Romania) 2022 P.U. (A) 265/2022 yang diwartakan pada 19 Ogos 2022	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 16	Laporan Tahunan Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.17	Laporan Tahunan Dan Penyata Kewangan Lembaga Juruukur Bahan Malaysia (LJBM) Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.18	AKTA RACUN 1952 Peraturan-Peraturan Racun (Pindaan) 2022 P.U. (A) 407/2022 yang diwartakan pada 30 Disember 2022	21 Mac 2023
ST.22	PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN Perintah Negeri-Negeri Borneo (Kuasa-Kuasa Perundangan) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 2/2023 yang diwartakan pada 4 Januari 2023	21 Mac 2023
ST.23	AKTA PINJAMAN (TEMPATAN)1959 AKTA PENDANAAN KERAJAAN 1983 Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2022 P.U. (A) 399/2022 yang diwartakan pada 28 Disember 2022	21 Mac 2023
ST.25	ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (PEMBATALAN) 2022 P.U. (A) 313/2022 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.26	ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (NO. 2) (PEMBATALAN) 2022 P.U. (A) 314/2022 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.27	ORDINAN DARURAT (KUASA-KUASA PERLU) (NO. 3) (PEMBATALAN) 2022 P.U. (A) 315/2022 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.28	PROKLAMASI DARURAT (PEMBATALAN) 2022 P.U. (A) 316/2022 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.29	PROKLAMASI DARURAT (NO. 2) (PEMBATALAN) 2022 P.U. (A) 317/2022 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.30	PROKLAMASI DARURAT (NO. 3) (PEMBATALAN) 2022 P.U. (A) 318/2022 yang diwartakan pada 6 Oktober 2022	21 Mac 2023
ST.31	AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Kaedah-Kaedah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Elaun Modal Dipercepat) (Kontrak Perkongsian Pengeluaran Late-Life Assets) 2022 P.U. (A) 301/2022 yang diwartakan pada 29 September 2022	21 Mac 2023
ST. 32	AKTA PETROLEUM (CUKAI PENDAPATAN) 1967 Perintah Petroleum (Cukai Pendapatan) (Pengecualian) 2022 P.U. (A) 302/2022 yang diwartakan pada 29 September 2022	21 Mac 2023
ST. 33	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2022 P.U. (A) 380/2022 yang diwartakan pada 14 Disember 2022	21 Mac 2023
ST. 34	AKTA KASTAM 1967 Perintah Duti Kastam (Barang-Barang di bawah Perjanjian Komprehensif dan Progresif bagi Perkongsian Trans-Pasifik) 2022 P.U. (A) 406/2022 yang diwartakan pada 30 Disember 2022	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.35	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai Barang Bernilai Rendah) 2022 P.U. (A) 410/2022 yang diwartakan pada 30 Disember 2022	21 Mac 2023
ST.36	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Penentuan Barang Bernilai Rendah) 2022 P.U. (A) 411/2022 yang diwartakan pada 30 Disember 2022	21 Mac 2023
ST.37	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.2) 2022 P.U. (A) 412/2022 yang diwartakan pada 30 Disember 2022	21 Mac 2023
ST.38	AKTA LEVI KEUNTUNGAN LUAR BIASA 1998 Perintah Levi Keuntungan Luar Biasa (Buah Kelapa Sawit) 2023 P.U. (A) 31/2023 yang diwartakan pada 31 Januari 2023	21 Mac 2023
ST.39	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST.43	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.44	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.45	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Industri Elektrik Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST.47	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Bagi Tahun 2021	21 Mac 2023
ST.48	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA) Bagi Tahun 2020	21 Mac 2023
ST.49	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Amanah Rakyat (MARA) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST.50	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST. 53	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST. 54	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
ST. 56	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji Bagi Tahun 2021 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
ST. 57	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Bagi Tahun 2020 (Telah Diaudit)	21 Mac 2023
CMD.2	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Aktiviti Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Badan-Badan Berkanun Persekutuan	21 Mac 2023
CMD.3	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Mengenai Pengauditan Pematuhan Kementerian dan Jabatan Persekutuan	21 Mac 2023
CMD.4	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Persekutuan	21 Mac 2023
CMD.5	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Johor	21 Mac 2023
CMD.6	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Kedah	21 Mac 2023
CMD.7	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Kelantan	21 Mac 2023
CMD.8	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Melaka	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.9	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri, Negeri Sembilan	21 Mac 2023
CMD.10	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan/Agensi Negeri Pahang	21 Mac 2023
CMD.11	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perak	21 Mac 2023
CMD.12	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Perlis	21 Mac 2023
CMD.13	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Pulau Pinang	21 Mac 2023
CMD.14	Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian/Jabatan/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Sabah	21 Mac 2023
CMD.15	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Kementerian/Agensi dan Pengauditan Pematuhan Kementerian/Agensi Negeri Sarawak	21 Mac 2023

<b><u>TAHUN</u></b> <b><u>2023</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH</u></b> <b><u>DIBENTANGKAN</u></b>
CMD.16	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri serta Pengauditan Pematuhan Agensi Negeri Selangor	21 Mac 2023
CMD.17	Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 2 Mengenai Auditan Khas Pengurusan Hutan dan Impak Kepada Alam Sekitar, Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dan Pengauditan Pematuhan Jabatan Negeri Terengganu	21 Mac 2023
ST.24	Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan 2021	21 Mac 2023
CMD.1	Tinjauan Ekonomi & Fiskal dan Anggaran Hasil 2023 Terkini	21 Mac 2023
CMD.18	Penyata Daripada Kementerian Kewangan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023	21 Mac 2023
CMD.19	Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023	21 Mac 2023
CMD.20	Senarai Perjawatan di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2023	21 Mac 2023